

CRIP bukan polisi semata-mata

“KITA tidak tunggu perubahan datang dari atas, kita mulakannya dari bawah – dari komuniti, dari rakyat, dari kawasan yang paling terdedah kepada kesan perubahan iklim.”

Itu mesej tegas Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** sempena pelancaran Community Resilience Implementation Plan (CRIP) di bawah Program Ketahanan Iklim Bandar (Urban Climate Resilience Programme) yang berlangsung di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada Selasa.

Pelan ini melibatkan dua lokasi utama – Kampung Pasir Baru, sebuah penempatan tradisional tepi sungai di Jalan Klang Lama, dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Beringin, kawasan perumahan awam padat di Jinjang Utara.

Kedua-duanya mewakili dua jenis komuniti yang berbeza tetapi

berkongsi cabaran yang sama: risiko banjir, ketidaktentuan iklim dan jurang ketahanan sosial.

Maimunah berkata inisiatif ini adalah contoh jelas bagaimana tindakan iklim global mesti diterjemahkan ke akar umbi, dan Kuala Lumpur tampil ke hadapan sebagai perintis pelaksanaan.

“Di sinilah kita uji kemampuan untuk bertindak dan bukan dengan polisi semata-mata, tetapi dengan pelan yang digerakkan oleh komuniti sendiri. Mereka tahu apa yang berlaku. Mereka tahu di mana air naik. Mereka tahu jalan penyelesaiannya dan mereka mahu menjadi sebahagian daripadanya,” katanya.

Turut hadir Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Ismadi Sakirin; Ketua Pegawai Eksekutif Zurich Malaysia, Junior Cho; Ketua Yayasan Z Zurich, Gregory



MAIMUNAH (tengah) ketika Majlis Pelancaran Pelan Daya Tahan Komuniti di Menara DBKL.

Renand dan Pengarah Serantau C40 Cities, Murali Ram.

Pelaksanaan CRIP ini melibatkan kerjasama pelbagai pihak – DBKL, Z Zurich Foundation, Zurich Malaysia,

C40 Cities, agensi teknikal, NGO, dan yang paling utama, penduduk tempatan sendiri.

“Kita amalkan pendekatan 4P: *Public, Private, People, Partnership.*

Ini bukan program satu hala. Ini kerjasama pelbagai lapisan – dari pejabat Datuk Bandar hingga ke surau PPR,” tegas Maimunah.

Beliau turut menyatakan bahawa inisiatif ini selari dengan Rangka Struktur Kuala Lumpur 2040, 15 Program Flagship DBKL, serta aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Kuala Lumpur bakal menjadi tuan rumah kepada Forum Perbandaran Mampan ASEAN dan Mesyuarat Datuk Bandar Ibu Kota ASEAN pada Ogos ini, dan menurut Maimunah, CRIP akan menjadi contoh bagaimana tindakan iklim dapat dimulakan secara lokal.

“Kita mahu tunjuk kepada dunia bahawa ASEAN tidak perlu tunggu. Kita sudah mula. Pelan-pelan seperti ini akan jadi bahan rujukan – bukan sahaja di Malaysia, tapi di Melaka, Seberang Prai, dan rakan serantau kita,” katanya. 